

# Hentikan pencero bobohan, pulihara khazanah hutan kita

**Prof Madya  
Dr Haliza  
Abdul  
Rahman**



Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia

Malaysia amat bertuah dianugerahi sumber hutan asli bernilai tinggi dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Sejumlah 54 peratus permukaan bumi Malaysia diliputi hutan. Hutan hujan di Malaysia antara tertua dunia dengan usianya mencapai jutaan tahun dan mengandungi sekurang-kurangnya 8,000 spesies flora dan 400 spesies fauna.

Hutan berfungsi sebagai kawasan tadahan air, mengawal perubahan suhu, habitat flora dan fauna serta membekal makanan dan ubatan semula jadi. Justeru, ia wajar dipulihara dan dipelihara sebagai sumber negara yang amat berharga.

Hutan Simpan Ulu Muda di Kedah misalnya, merekod lebih 100 spesies mamalia dan 50 spesies reptilia. Ini termasuk spesies terancam seperti harimau bintang, gajah Asia, tapir, beruang matahari, memerang hidung rata dan tapir.

Ia juga menjadi habitat kepada lebih 170 spesies burung dan antara yang menjadi tarikan ialah semua 10 spesies burung enggang

terdapat di sini berbanding hanya lapan di Sarawak.

Menariknya, di sebalik kepentingan sebagai tapak biodiversiti negara dan kawasan tadahan air, umum mungkin terkejut mengetahui terdapat juga kawasan hutan seperti Ulu Muda yang tidak diwartakan mengikut mana-mana peruntukan undang-undang, sebagai taman negara atau taman negeri, mahupun kawasan tadahan air, seterusnya mendedahkan hutan kepada ancaman kepupusan.

Malaysia kini diancam masalah kepupusan serius flora mahu pun fauna akibat kemerosotan kualiti dan pemusnahan hutan. Natijahnya hutan terus diceroboh dan dimusnahkan.

Keterancaman hutan didorong tindakan dan perilaku manusia yang bersikap tamak demi kepentingan diri sehingga menjejaskannya. Pembalakan rakus mengancam fungsi sokongan hayat hutan yang berperanan utama sebagai penyerap karbon bagi menangani perubahan iklim dan sumber air.

Aktiviti berisiko tinggi seperti pembalakan haram bukan amalan lestari kerana ia menimbulkan pelbagai kesan dan menjerumus kepada kemusnahan ekosistem serta kepelbagaian biodiversiti.

Pencero bobohan hutan terus berlaku kerana ada ruang dan kesempatan. Misalnya pegawai penguat kuasa tidak boleh berada di satu-satu tempat pada setiap masa.

Menurut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), memang wujud unsur salah laku se-

perti jenayah rasuah dan penyelewengan dalam urusan pembalakan yang membabitkan kontraktor, pelesen dan pegawai serta kakitangan Jabatan Perhutanan.

Faktor lain hutan diceroboh khususnya oleh aktiviti pembalakan haram adalah permintaan melebihi penawaran, kurang rondaan penguatkuasaan, harga kayu balak tinggi di pasaran dan kesempatan mengamalkan rasuah oleh segelintir pegawai tidak bertanggungjawab.

Natijahnya, hutan negara terus terancam akibat aktiviti pembalakan dan penerokaan, sama ada secara sah atau haram, selain akibat perubahan iklim.

Misalnya, sehingga November 2019, seramai 29 individu ditahan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) kerana terbabit kegiatan penerokaan haram seluas 32 hektar di Hutan Simpan Pedu di Padang Terap, Hutan Simpan Enggang di Sik dan Hutan Simpan

Gunung Raya di Langkawi.

Pada 19 Mac lalu, JPNK menahan sembilan lelaki disyaki mencero boboh 10 hektar hutan dan mencuri balak dianggarkan bernilai RM200,000 di kawasan Hutan Simpan Koh Moi dekat Sintok.

Pada Februari lalu, sebanyak 1,700 batang balak dianggarkan bernilai lebih RM1 juta ditebang secara haram dan tidak berlesen di Long Mio di Sipitang, Sabah. Di Kuala Lumpur pula, sejak diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal (HSK) pada 1933, Hutan Bukit Sungei Puteh menjadi korban pembangunan secara berterusan, apabila keluasan asalnya 40 hektar kini menyusut kepada 14.51 hektar tanpa diganti.

HSK Bukit Nanas dengan keluasan berbaki 9.37 hektar turut diintai pelbagai pihak yang mengemukakan kertas cadangan membeli atau menyewanya daripada kerajaan, dengan tawaran mengambil alih hak penjagaan.

Terkini, terdapat ura-ura Kerajaan Selangor untuk menyahwartakan antara hutan paya gambut penting, iaitu Hutan Simpan (HS) Kuala Langat Utara daripada senarai HSK untuk memberi laluan kepada pembangunan.

Proses pembangunan negara penting, namun ia perlu dilakukan secara bijaksana tanpa memusnahkan hutan yang amat berharga.

Justeru, pembangunan keterlaluan sehingga mengorbankan hutan wajar dihentikan sejajar matlamat kerajaan untuk memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah ne-

gara dikekalkan sebagai kawasan berhutan.

Ia seperti komitmen dinyatakan ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada 1992.

Cadangan supaya Jabatan Perhutanan serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) diberi kebenaran untuk menembak pencero boboh hutan adalah wajar bagi menunjukkan Kerajaan Malaysia tegas dalam menangani isu pencero bobohan hutan ini.

Ini kerana perompak khazanah alam ini bukan calang-calang. Mereka cukup ganas, rakus dan berani mati sehingga sanggup menyerang anggota penguat kuasa menggunakan senjata berbahaya sehingga mengancam nyawa.

Malah, tindakan ini memberikan 'signal' bahawa Kerajaan Malaysia amat tegas dalam melindungi dan memelihara khazanah negara, selain menunjukkan undang-undang negara tidak sewenang-wenangnya diperlekehkan.

Pasukan Bertindak Khas ditubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dianggotai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta beberapa agensi penguat kuasa lain bagi menangani pencero bobohan hutan dan tanah secara haram di Cameron Highlands, Pahang juga wajar diperluaskan.

Akhirnya, orang awam perlu secara sukarela menjadi 'mata dan telinga' bagi memantau kegiatan pencero bobohan hutan secara haram di negara ini demi kesejahteraan alam dan masyarakat keseluruhannya.

**Pembalakan haram bukan amalan lestari kerana ia menimbulkan pelbagai kesan dan menjerumus kepada kemusnahan ekosistem serta kepelbagaian biodiversiti.**



Pembalakan haram mengorbankan hutan wajar dihentikan menerusi penguatkuasaan tegas dan bantuan orang awam yang menjadi 'mata' dan 'telinga'.

(Foto hiasan)